



## **GARIS PANDUAN KURSUS PENGKHUSUSAN / PROGRAM DIPLOMA LANJUTAN (POS BASIK), UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

---

### **1. TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan menerangkan pelaksanaan Kursus Pengkhususan/Program Diploma Lanjutan (Pos Basik) bagi staf Universiti Putra Malaysia mengikuti latihan bertujuan meningkatkan tahap kemahiran Anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) dalam bidang berkaitan dengan bidang tugas mereka. Kursus Pengkhususan / Program Diploma Lanjutan (Pos Basik) ini juga bertujuan untuk meningkatkan tahap kompetensi dan kepakaran Jururawat dalam bidang-bidang perubatan yang khusus.

### **2. OBJEKTIF**

Objektif Kursus Pengkhususan/Program Diploma Lanjutan (Pos Basik) ini adalah:

- (i) Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Jururawat dalam penjagaan pesakit, perawatan dan perubatan terkini seiring dengan kemajuan dan perkembangan teknologi perubatan semasa; dan
- (ii) Memastikan perkhidmatan klinikal berkualiti diberikan oleh tenaga kerja atau jururawat yang terlatih dan berkelayakan.

### **3. SYARAT DAN KELAYAKAN**

Staf yang ingin mengikuti Kursus Pengkhususan/Program Diploma Lanjutan (Pos Basik) hendaklah memenuhi syarat dan kelayakan yang berikut:

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Telah disahkan dalam skim perkhidmatan terkini pada tarikh permohonan;
- (iii) Telah berkhidmat di UPM sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pada tarikh permohonan;
- (iv) Berumur tidak melebihi 48 tahun pada tarikh permohonan;
- (v) Mencapai purata markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT) tidak kurang daripada 85% bagi tiga (3) tahun skim perkhidmatan terkini

secara berturut-turut. Tempoh penilaian setahun LPPT adalah minimum enam (6) bulan;

- (vi) Bebas daripada sebarang pertuduhan/prosiding dan tindakan tatatertib, siasatan dan/atau dalam proses dakwaan mahkamah dalam tempoh 5 tahun kebelakang dari tarikh permohonan;
- (vii) Kelayakan hanya sekali sepanjang tempoh perkhidmatan. Namun begitu, ianya juga tertakluk kepada keperluan bidang yang memerlukan staf mengikuti kursus lanjutan seperti bidang Perbidanan dan Kesihatan Awam;
- (viii) Pemohon perlu mempunyai sekurang-kurangnya enam (6) bulan pengalaman bertugas di bidang yang dipohon. Keutamaan akan diberi kepada calon yang bertugas di Jabatan yang berkaitan dengan bidang yang dipohon; dan
- (ix) Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

#### **4. TEMPOH**

Tempoh Kursus Pengkhususan/Program Diploma Lanjutan (Pos Basik) yang diluluskan adalah 6 – 12 bulan (tertakluk kepada bidang) dan pegawai dianugerahkan Diploma/Sijil setelah tamat kursus.

#### **5. TEMPAT**

Kursus Pengkhususan/Program Diploma Lanjutan (Pos Basik) yang dijalankan hendaklah di bawah anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

#### **6. IKATAN PERJANJIAN**

- (i) Staf yang menjalani Kursus Pengkhususan/Program Diploma Lanjutan (Pos Basik) secara sepenuh masa melebihi 6 bulan hingga 12 bulan hendaklah mempunyai ikatan kontrak perkhidmatan dengan Universiti Putra Malaysia dua kali ganda tempoh kursus. Ikatan kontrak perkhidmatan akan bermula daripada tarikh staf itu melapor diri selepas tamat Kursus Pengkhususan / Program Diploma Lanjutan (Pos Basik).
- (ii) Staf yang tidak mematuhi tempoh ikatan perkhidmatan yang telah dipersetujuinya dikehendaki membayar ganti rugi mengikut Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

TEMPOH	TEMPOH IKATAN PERJANJIAN (TAHUN)	TUNTUTAN GANTIRUGI
Secara sepenuh masa (6 – 12 bulan)	2 kali ganda tempoh latihan yang diluluskan.	RM25,000.00 dan kos sebenar yang merangkumi bayaran yang dibuat oleh Universiti termasuk segala jenis yuran, lain-lain bayaran, elaun dalam perkhidmatan tidak termasuk gaji, sepanjang tempoh latihan.

## 7. GAJI, ELAUN DAN KEMUDAHAN LAIN

Semasa mengikuti Kursus Pengkhususan/Program Diploma Lanjutan (Pos Basik), staf layak mendapat kemudahan-kemudahan di bawah (tertakluk kepada kemampuan kewangan universiti dan kelulusan):

- (i) Gaji Bulanan dan Elaun Dalam Perkhidmatan;
- (ii) Elaun Sara Hidup sebanyak RM25.00 sehari;
- (iii) Elaun Perjalanan (pergi dan balik sekali sepanjang tempoh latihan); dan
- (iv) Staf layak menerima Bayaran Insentif Pos Basik sebanyak RM100.00 setelah memiliki Sijil Pos Basik.

## 8. KELAYAKAN CUTI REHAT

Pegawai tidak layak mendapat cuti rehat sepanjang tempoh menjalani Kursus Pengkhususan/Program Diploma Lanjutan (Pos Basik), Cuti rehat akan dikira semula selepas pegawai melapor diri setelah menamatkan tempoh kursus.

## 9. PERMOHONAN

Permohonan melalui Ketua Pusat Tanggungjawab hendaklah dikemukakan kepada Seksyen Latihan, Pejabat Pendaftar selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum Kursus Pengkhususan / Program Diploma Lanjutan (Pos Basik) dijalankan. Pemohon juga hendaklah mengemukakan bersama surat tawaran daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

## 10. KELULUSAN

Pendaftar akan mempertimbangkan permohonan Kursus Pengkhususan / Program Diploma Lanjutan (Pos Basik) dan boleh melulus atau tidak meluluskan permohonan tersebut mengikut pertimbangannya berdasarkan kepada keperluan dan kepentingan perkhidmatan universiti. Keputusan yang dibuat oleh Pendaftar adalah muktamad.

**11. TANGGUNGJAWAB MEMBUAT PERSEDIAAN MENGIKUTI KURSUS PENGKHUSUSAN / PROGRAM DIPLOMA LANJUTAN (POS BASIK) SELEPAS PERMOHONAN DILULUSKAN**

Staf yang telah diluluskan permohonannya mengikuti Kursus Pengkhususan / Program Diploma Lanjutan (Pos Basik) hendaklah bertanggungjawab membuat persediaan yang sewajarnya untuk memastikan latihan ini dapat dijalankan dengan jayanya.

**12. LAPOR DIRI, SERAHAN SIJIL DAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN**

- (i) Staf hendaklah melapor diri di Seksyen Latihan, Pejabat Pendaftar selepas tamat mengikuti Kursus Pengkhususan / Program Diploma Lanjutan (Pos Basik).
- (ii) Staf juga hendaklah menghantar Sijil dan Keputusan Peperiksaan Kursus Pengkhususan / Program Diploma Lanjutan (Pos Basik) kepada Seksyen Latihan, Pejabat Pendaftar selewat-lewatnya tiga (3) bulan selepas mengikuti kursus tersebut.

---

**Rujukan :** Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Pengkhususan / Diploma Lanjutan Kementerian Kesihatan Malaysia

Surat Pemberitahuan Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2016

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2005

Perintah Am 36 - 38 Bab 'C'

Perintah Am Bab 'D'

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Ke 607 {607.04 (e)}

Garis Panduan Pelaksanaan Program Lanjutan Kementerian Kesihatan Malaysia Versi 2024